

Kikis sikap penting diri

# Rakyat perlu prihatin: PM

BU 11 OCT 1991

Oleh **AMINUDDIN IBRAHIM**

JITRA, Khamis — **Perdana Menteri** Datuk Seri **Dr Mahathir Mohamad** hari ini mengajak rakyat supaya **menanam** perasaan prihatin dan **mengikis** sikap pentingn diri **bagi** menjamin kemajuan negara.

Katanya **di** zaman demokrasi **ini**, rakyat mestilah bersikap prihatin, **iaitu** berusaha bersungguh-sungguh untuk mencapai **apa** yang **dicita-cita**, kepada **diri** sendiri, **agama**, negara dan kerajaan kerana sikap **seperti ini** dapat mengekalkan **kemajuan**.

"Sikap prihatin bukan terletak kepada kerajaan **semata-mata**, tetapi **juga** seluruh rakyat," katanya ketika melancar Program **Malaysia Prihatin** peringkat **kebangsaan** di sini.

Pelancaran itu dilakukan serentak dengan perasmian Institut Kemahiran Belia Negara dan Perhimpunan **Belia** Peringkat Negeri Kedah. Hadir **ssama** ialah Datin **Seri Dr Siti Haamah Mohd Ali**, Menteri **Besar** Tan Sri Haji Osman Aroff, Menteri Belia dan Sukan Senator Haji **Annuar Musa** dan ketua-ketua jabatan kerajaan.

**Menurut Perdana Menteri**, kerana bersikap prihatinlah kerajaan tidak memenuhi semua permintaan rakyat, sebaliknya **memastikan** permintaan itu **benar-benar** memanfaatkan mereka.

"Kita boleh memenuhi **semua** permintaan rakyat kerana **ini** akan mempopularkan kerajaan. **Tetapi** **apa** gunanya kerajaan menjadi popular jika akhirnya negara dan rakyat sendiri akan rosak.

"Kerana kerajaan bersikap prihatinlah maka kadang-kala **kita** tidak **layan** permintaan rakyat kerana permintaan itu tidak baik **bagi** tempoh jangka panjang," katanya.

**Beliau** menegaskan kerajaan tidak mahu menjadikan negara **ini** seperti sesetengah negara yang terkenal sebagai "kerajaan popular" selama lebih 30 tahun, tetapi **akhirnya** rakyat menderita dan ekonomi **runtuh**.

"**Bagi** kebaikan tempoh jangka panjang, **kita** tidak **akan** melayan **permintaan** tanpa mengambil **kira** **kepentingan** rakyat pada masa akan datang," katanya.

**Perdana Menteri** menegaskan, **pembangunan** negara yang pesat adalah **hasil** **daripada** sikap kerajaan yang bertanggung jawab.

Bagaimanapun, katanya, **ada** **juga** rakyat yang tidak bersyukur dengan **usaha** yang dilaksanakan, malah **ada** **penuntut** **universiti** berkempen memburukkan kerajaan yang selama **ini** **memberi** pelbagai peluang kepada mereka.

"Masyarakat yang tidak tahu **bersyukur** tidak akan menerima **banyak** **nikmat**," katanya.